

03 SEP 1998

Anwar-Jawatan

ANWAR DAKWA ADA PAKATAN TERHADAPNYA

KUALA LUMPUR, 3 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Anwar Ibrahim yang dipecat sebagai Timbalan Perdana Menteri semalam hari ini mendakwa ada pakatan peringkat tertinggi untuk menjatuhkan beliau.

Oleh kerana itu, beliau tidak bersedia meletakkan jawatan dan memang menduga pemecatannya, katanya.

Bercakap pada persidangan berita di rumahnya sendiri di Jalan Setiamurni, Bukit Damansara, Anwar berkata beliau diberi kata dua oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sama ada meletak jawatan atau dipecat.

"Saya tidak bersedia untuk meletak jawatan kerana saya sedia maklum memang ada pakatan atau konspirasi peringkat tertinggi untuk menjatuhkan saya," kata Anwar.

Beliau mendakwa cara yang kotor dan jijik telah digunakan untuk menyingkirkannya.

Ini kerana tiada alasan yang munasabah mahupun kebenaran dalam dakwaan-dakwaannya terhadapnya sebagai justifikasi penyingkirkannya.

Anwar berkata beliau masih menjadi Timbalan Presiden Umno kerana jawatan itu melibatkan pilihan rakyat.

"Saya akan gunakan forum malam ini untuk membela diri," katanya ketika ditanya sama ada beliau akan menghadiri mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno malam ini.

Anwar juga menyatakan yang beliau telah menjalani dua ujian DNA, termasuk satu ujian bebas di luar negara, yang membuktikan bahawa dakwaan yang beliau adalah bapa kepada seorang anak haram, adalah tidak benar.

"Apa yang saya perkatikan ialah keadilan. Adalah sesuatu yang tragik apabila institusi kerajaan telah dipergunakan oleh mereka yang mengadakan pakatan terhadap saya untuk mereka-reka dan mengada-adakan tuduhan.

"Kalau saya, sebagai orang nombor dua di negara ini (sehingga semalam), tidak boleh mendapat keadilan dan menjadi mangsa tuduhan-tuduhan ini, maka saya rasa sedih bagi negara ini," katanya pada persidangan berita yang penuh sesak di beranda rumahnya itu.

Persidangan berita itu dihadiri oleh kira-kira 200 wartawan dan jurugambar tempat dan luar negara.

Anwar berkata beliau telah diberikan kata-dua oleh Perdana Menteri semalam, sama ada pilih letak jawatan atau disingkirkan.

Katanya beliau tidak bersedia untuk meletakkan jawatan dan telah berulang kali memberitahu Perdana Menteri tentang terdapatnya konspirasi di peringkat tertinggi untuk menjatuhkannya.

Ini termasuk oleh menteri-menteri kabinet tertentu, ahli-ahli Majlis Tertinggi UMNO, orang-orang kaya dan ahli-ahli korporat dan orang-orang luar, katanya

Beliau bagaimanapun berkata fitnah itu bukan datang dari UMNO sebagai parti politik.

Anwar berkata beliau memang sudah menjangkakan bahawa beliau akan ditangkap untuk menghadapi tuduhan di bawah Akta Rahsia Rasmi (OSA) dan mungkin Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) atau undang-undang lain.

Katanya bagaimanapun beliau akan mempertahankan dirinya dan anggota keluarga dan telah memulakan proses undang-undang.

Anwar berkata beliau setakat ini belum disoal-siasat oleh polis berhubung tuduhan-tuduhan terhadapnya itu walaupun polis dikatakan telah mempunyai dokumen dan bukti yang mencukupi untuk mendakwanya di mahkamah.

Apabila ditanya apakah makna perkembangan ini terhadap kerjaya politik beliau, Anwar berkata: "Kita harus tahu bahawa segalanya ditentukan oleh Allah, orang boleh rancang tetapi yang tentukan ialah Allah."

Katanya, beliau telah mendapat maklumat mengenai cadangan untuk menjatuhkannya sejak tiga bulan lalu.

Anwar berkata beliau mempunyai bukti yang kukuh untuk menangkis segala tuduhan yang dilemparkan kepadanya termasuk rasuah, skandal seks, pembunuhan dan menjadi ejen negara asing.

Katanya, bukti itu adalah dalam bentuk dokumen, kenyataan bersumpah saksi dan pita rakaman.

Mengenai keputusan kerajaan mengenakan kawalan tukaran matawang bagi mengelakkan kejatuhan ringgit, beliau berkata keputusan itu dibuat secara berpasukan dan beliau sebagai seorang anggota pasukan bersetuju dengan cadangan itu.

Ketika ditanya sama ada beliau bercadang meninggalkan Umno untuk menubuhkan parti lain, Anwar berkata beliau akan tetap setia kepada Umno dan tidak akan berbuat demikian.

Beliau juga mendakwa bahawa semua tuduhan terhadapnya timbul apabila beliau bersiap-sedia untuk mencabar jawatan Presiden parti dalam pemilihan pucuk pimpinan tahun depan.

-- BERNAMA

TM SJ NMO